



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN ANTARA AMALAN PENGAJARAN GURU DAN SIKAP
PELAJAR DENGAN PENCAPAIAN EKONOMI ASAS DI
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
DAN SEKOLAH MENENGAH
JENIS KEBANGSAAN CINA
PULAU PINANG**

SASHI KALA KRISHNAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru Serta Sikap Pelajar dengan Pencapaian Ekonomi Asas di Sekolah Menengah Kebangsaan Dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina, Pulau Pinang

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan amalan pengajaran guru mengikut persepsi pelajar dan sikap pelajar terhadap pencapaian Ekonomi Asas di antara Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) di Pulau Pinang. Persampelan kajian terdiri daripada 125 pelajar Tingkatan 5 daripada empat buah sekolah SMK dan 125 pelajar Tingkatan 5 daripada tiga buah sekolah SMJK di Pulau Pinang. Kajian menggunakan kaedah tinjauan dan data diperoleh dengan menggunakan soal selidik. Instrumen yang digunakan dalam soal selidik kajian ini mengandungi dua bahagian iaitu amalan pengajaran guru mengikut persepsi pelajar yang dibangunkan berdasarkan instrumen soal selidik Wan Mohd Rani Abdullah, (1989) dengan nilai alpha Cronbach 0.875 dan sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas yang dibangunkan berdasarkan instrumen soal selidik Soper dan Walstad (1983) dengan nilai alpha Cronbach 0.866. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian *SPSS* dan bagi menguji hipotesis kajian, ujian-t dan analisis korelasi Pearson digunakan. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan di antara SMK dan SMJK dalam amalan pengajaran guru dan sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas. Ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di SMK bagi amalan pengajaran guru dan pencapaian pelajar dalam Ekonomi Asas manakala di SMJK tidak terdapat hubungan yang signifikan. Begitu juga dengan sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas dan pencapaian pelajar yang menunjukkan hubungan yang signifikan di SMK manakala di SMJK tidak menunjukkan hubungan yang signifikan. Oleh itu boleh dirumuskan bahawa amalan pengajaran guru dan sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas tidak mempengaruhi perbezaan keputusan pencapaian pelajar Tingkatan 5 dalam Ekonomi Asas di SMK dan SMJK di Pulau Pinang.



Relationship with Teachers' Teaching Practice and Students' Attitude Towards Achievement in Basic Economics between National Secondary Schools and Chinese National Type Secondary Schools in Penang.

ABSTRACT

The purpose of this study was to relate teachers' teaching practice based on students' perception and the students' attitude towards achievement in the subject of Basic Economics between National Secondary Schools (SMK) and Chinese National Type Secondary Schools (SMJK) in Penang. The respondents involved in this study consist of 125 Form 5 students from four SMK schools and 125 Form 5 students from three SMJK schools in Penang. Survey method was employed in the data collection using the questionnaires. The instrument used in the questionnaire consists of two parts; teachers' teaching practice based on students' perception was derived and constructed from Wan Mohd Rani Abdullah (1989) with Cronbach alpha value at 0.875 and students' attitude towards Basic Economics was derived and constructed from Soper and Walstad (1983) with Cronbach alpha value at 0.866. The quantitative data obtained were measured using the *SPSS* while the hypothesis were analyzed using the t-test and Pearson Correlation Analysis. The t-test analysis indicated that there were significant mean differences between SMK and SMJK in terms of teachers' teaching practice and also the students' attitude towards Basic Economics. The result of correlation analysis indicated that correlation between teachers' teaching practice and the students' achievement in SMK was significant while in SMJK non-significant. The test also indicated that correlation between students' attitude towards Basic Economics and their achievement in the subject was significant in SMK while in SMJK non-significant. Hence, the research concluded that teachers' teaching practice and students' attitude towards Basic Economics did not influence the results achieved in the subject by the Form 5 students in SMK and SMJK in Penang.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK dalam BAHASA MALAYSIA	iv
ABSTRAK dalam BAHASA INGERIS	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	8
1.3	Pernyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Kerangka Kajian	14
1.7	Hipotesis Kajian	17
1.8	Signifikan Kajian	18
1.9	Skop Kajian	19
1.10	Definisi Operasional	20

1.10.1 Kajian Perbandingan	20
1.10.2 Amalan Pengajaran Guru	20
1.10.3 Sikap Pelajar	20
1.10.4 Pencapaian	21
1.10.5 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	21
1.10.6 Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina [SMJK]	21
1.11 Rumusan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	23
2.2 Kajian Perbandingan	24
2.3 Pencapaian Akademik Secara Umum	25
2.3.1 Amalan Pengajaran Guru dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik	28
2.3.2 Sikap Pelajar dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik	32
2.3.3 Mata Pelajaran Ekonomi Asas dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik	34
2.4 Rumusan	38

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	39
3.2 Reka Bentuk Kajian	40
3.3 Persampelan Kajian	40

3.4	Instrumen Kajian	42
3.4.1	Demografi	43
3.4.2	Amalan Pengajaran Guru Ekonomi	
	Asas Mengikut Persepsi Pelajar	43
3.4.3	Sikap Pelajar Terhadap Ekonomi Asas	45
3.4.4	Ujian Ekonomi Asas	46
3.5	Prosedur Mengutip Data	48
3.6	Prosedur dan Kaedah Menganalisis Data	49

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	51
4.2	Analisis Deskriptif Latar Belakang Demografi Responden	51
4.2.1	Bilangan Sampel Kajian	51
4.2.2	Profil Responden Kajian	52
4.2.3	Pencapaian dalam Peperiksaan PMR	53
4.2.4	Gred Ekonomi Asas dalam Peperiksaan Penggal Pertama 2010	54
4.3	Analisis Deskriptif Item Amalan Pengajaran Guru Ekonomi Mengikut Persepsi Pelajar	55
4.3.1	Perbezaan Skor Min bagi Dimensi Amalan Guru dalam Memastikan Persediaan Pelajar Sebelum Masuk Kelas	55
4.3.2	Perbezaan Skor Min bagi Dimensi Amalan Guru Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran	57

4.3.3	Perbezaan Skor Min bagi Dimensi Amalan Guru dalam Menangani Situasi Pelajar Yang Tidak Dapat Menjawab Soalan	58
4.3.4	Perbezaan Skor Min bagi Dimensi Amalan Guru dalam Menangani Situasi Pelajar Yang Tidak Dapat Mengikuti Pengajaran	60
4.3.5	Analisis Taburan Min Keseluruhan bagi Amalan Pengajaran Guru antara SMK dan SMJK	61
4.4	Analisis Deskriptif Item Sikap Pelajar Terhadap Ekonomi Asas	62
4.4.1	Perbezaan Skor Min Sikap Pelajar Terhadap Ekonomi Asas bagi Aspek Keseronokkan	62
4.4.2	Perbezaan Skor Min Sikap Pelajar Terhadap Ekonomi Asas bagi Aspek Minat	64
4.4.3	Perbezaan Skor Min Sikap Pelajar Terhadap Ekonomi Asas bagi Aspek Kebimbangan	65
4.4.4	Perbezaan Skor Min Sikap Pelajar Terhadap Ekonomi Asas bagi Aspek Kepraktikalan	66
4.4.5	Analisis Taburan Min Keseluruhan bagi Sikap Pelajar Terhadap Ekonomi Asas antara SMK dan SMJK	67
4.5	Analisis Deskriptif Item Ujian Ekonomi Asas	68
4.5.1	Gred dan Skor Min Ekonomi Asas di SMK dan SMJK	69

4.6	Keputusan Analisis Pengujian Hipotesis Kajian	71
4.7	Rumusan	86

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	89
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	90
5.2.1	Perbandingan Amalan Pengajaran Guru Ekonomi Asas di SMK dan SMJK	90
5.2.2	Perbandingan Sikap Pelajar Terhadap Ekonomi Asas di SMK dan SMJK	91
5.2.3	Perbandingan Keputusan Ujian Ekonomi Asas Pelajar SMK dan SMJK	92
5.2.4	Hubungan antara Amalan Pengajaran Guru dengan Keputusan Ujian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK	93
5.2.5	Hubungan antara Sikap Pelajar terhadap Ekonomi Asas dengan Keputusan Ujian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK	94
5.3	Implikasi Kajian	96
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	99
5.5	Rumusan	100
	RUJUKAN	102
	LAMPIRAN	109

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Sistem Penggredan Bagi Lulusan SPM 2009	5
1.2 Peratus Lulus dan Pencapaian GPS Mengikut Sekolah Bagi SPM 2005-2009	10
1.3 Pencapaian Mata Pelajaran Ekonomi Asas Peringkat SPM di Negeri Pulau Pinang Tahun 2005 – 2009	12
3.1 Bilangan Sampel Setiap Sekolah	41
3.2 Jawapan Mengikut Skala Likert	43
3.3 Pembahagian Soal Selidik Mengikut Soalan Bagi Amalan Pengajaran Guru	44
3.4 Taburan Item Mengikut Sikap Pelajar terhadap Mata Pelajaran Ekonomi	46
3.5 Taburan Topik Ujian Ekonomi Asas Mengikut Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	47
3.6 Tahap Amalan Pengajaran Guru dan Sikap Pelajar Terhadap Ekonomi Asas Mengikut Nilai Min	49
4.1 Senarai Sekolah SMK dan SMJK dan Bil. Sampel Responden	52
4.2 Profil Sampel Responden Kajian	53
4.3 Analisis Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Kemahiran Hidup dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) Bagi Responden Kajian	54
4.4 Gred Ekonomi Asas dalam Peperiksaan Penggal Pertama 2010 Berdasarkan Jenis Sekolah	55

4.5	Perbezaan Skor Min Bagi Dimensi Amalan Guru Dalam Memastikan Persediaan Pelajar Sebelum Masuk Kelas	56
4.6	Perbezaan Skor Min Bagi Dimensi Amalan Guru Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran	58
4.7	Perbezaan Skor Min Bagi Dimensi Amalan Guru dalam Menangani Situasi Pelajar Yang Tidak Dapat Menjawab Soalan	59
4.8	Perbezaan Skor Min Bagi Dimensi Amalan Guru dalam Menangani Situasi Pelajar Yang Tidak Dapat Mengikuti Pengajaran	61
4.9	Analisis Taburan Min Keseluruhan Bagi Amalan Pengajaran Guru antara SMK dan SMJK	62
4.10	Perbezaan Skor Min Bagi Sikap Pelajar terhadap Ekonomi Aspek Keseronokkan	63
4.11	Perbezaan Skor Min Bagi Sikap Pelajar terhadap Ekonomi Asas Aspek Minat	65
4.12	Perbezaan Skor Min Bagi Sikap Pelajar terhadap Ekonomi Asas Aspek Kebimbangan	66
4.13	Perbezaan Skor Min Bagi Sikap Pelajar terhadap Ekonomi Asas Aspek Kepraktikalan	67
4.14	Analisis Taburan Min Keseluruhan bagi Sikap Pelajar terhadap Ekonomi Asas antara SMK dan SMJK	68
4.15	Taburan Prestasi Markah Ekonomi Asas Pelajar di SMK dan SMJK	69
4.16	Gred dan Skor Min Ekonomi Asas Pelajar di SMK dan SMJK	70
4.17	Perbezaan Dimensi Amalan Pengajaran Guru	73
4.18	Perbezaan Amalan Pengajaran Guru EA	74

4.19	Korelasi (r) Dimensi Amalan Pengajaran Guru dengan Pencapaian Ekonomi Asas di SMK	75
4.20	Korelasi (r) Dimensi Amalan Pengajaran Guru dengan Pencapaian Ekonomi Asas di SMJK	76
4.21	Korelasi (r) Dimensi Amalan Pengajaran Guru dengan Pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK	77
4.22	Korelasi (r) Amalan Pengajaran Guru dengan Pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK	78
4.23	Perbezaan Dimensi Sikap Pelajar terhadap Ekonomi Asas	80
4.24	Perbezaan Sikap Pelajar terhadap Ekonomi Asas	81
4.25	Korelasi (r) Dimensi Sikap dengan Pencapaian Ekonomi Asas di SMK	83
4.26	Korelasi (r) Dimensi Sikap dengan Pencapaian Ekonomi Asas di SMJK	84
4.27	Korelasi (r) Dimensi Sikap dengan Pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK	85
4.28	Korelasi (r) Sikap Pelajar Terhadap Ekonomi Asas dengan Pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK	86
4.29	Ringkasan Keseluruhan Ujian Hipotesis	87



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Model Pencapaian Akademik Pelajar Heck dan Marcoulides (1996)	15
1.2 Kerangka Kajian	16





SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
IAB	Institut Aminuddin Baki
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
EA	Ekonomi Asas
SK	Sekolah Kebangsaan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
ATE	<i>Attitudes Toward Economics</i>



SENARAI LAMPIRAN	Muka Surat
Lampiran A: Surat-surat Kebenaran	109
Lampiran B: Contoh Borang Soal Selidik	115
Lampiran C: Analisis SPM Sebenar Tahun 2005- 2009	124
Lampiran D: Contoh Hasil Analisis SPSS	145



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN



Pendidikan merupakan tunjang dan wadah terpenting kepada pembinaan negara bangsa dan pembangunan modal insan. Pendidikan juga merupakan pemangkin utama yang mampu mendidik anak bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama berfikir melewati sempadan kaum masing-masing. Sistem pendidikan Malaysia bermatlamat melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, intelek, dan rohani seterusnya berupaya berperanan sebagai warganegara produktif yang mampu mendukung visi dan misi negara. Bagi merealisasikan hasrat tersebut kerajaan telah berusaha memastikan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP) dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Sehubungan dengan hasrat kerajaan itu, salah satu daripada agenda Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ialah untuk mengukuhkan semua Sekolah Kebangsaan (SK), kerana SK ditubuhkan sebagai wahana untuk perpaduan rakyat pelbagai kaum. SK diharap dapat dijadikan tempat





untuk generasi muda hidup bermasyarakat, saling bekerja sama demi menjayakan wawasan Negara (Kementerian Pelajaran Malaysia [KPM], 2006).

Sekiranya hasrat Kementerian Pelajaran ingin direalisasikan; iaitu menjadikan SK sebagai sekolah cemerlang maka menjadi tanggungjawab setiap sekolah untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi meningkatkan pencapaian masing-masing terutamanya bagi menyediakan lebih ramai cerdik pandai yang dapat mengisi Wawasan 2020. Menyentuh tentang matlamat dan objektif yang hendak dicapai oleh KPM bagi meningkatkan mutu pendidikan negara ke peringkat maju, maka mulai tahun 2010 semua calon yang akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah dihadkan maksimum sepuluh mata pelajaran dan kelonggaran diberi kepada murid untuk mengambil tidak lebih daripada dua mata pelajaran tambahan sahaja (Salbiah, 2010). Tujuan kerajaan menghadkan pengambilan sepuluh mata pelajaran adalah untuk:

- Pembinaan modal insan
- Mengurangkan *exam-oriented education*
- Fokus kepada kumpulan mata pelajaran
- Memudahkan pemilihan mata pelajaran
- Peperiksaan bukan untuk menguji kekuatan /persaingan

Sehubungan dengan itu, Raja Muda Perak Raja Nazrin Shah bertitah bahawa sistem pendidikan sekarang terlalu berorientasikan peperiksaan dengan pelajar perlu menduduki empat peperiksaan umum sebelum ke universiti. Menurut baginda lagi, kita juga cenderung untuk menyanjung mereka yang mendapat keputusan yang cemerlang dan pada masa yang sama meminggirkan mereka yang tidak cemerlang.





Sistem berorientasikan peperiksaan juga menyebabkan sekolah-sekolah hanya menfokuskan kepada mereka yang mendapat keputusan yang cemerlang (Raja Nazrin Shah, 2009).

Selaras dengan matlamat dan objektif KPM ini, maka Ekonomi Asas dijadikan mata pelajaran elektif dalam kumpulan II (Vokasional dan Teknologi) untuk pelajar tingkatan empat dan lima di semua jenis sekolah. Subjek ini telah diperkenalkan pada tahun 1991/1992 sebagai percubaan dan kumpulan pelajar pertama menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara rasmi ialah pada tahun 1994. Pencapaian yang rendah dalam peperiksaan Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM) dan pada masa yang sama bilangan pelajar yang mengambil subjek ini semakin menurun (Faridah Karim, 1999) membawa kepada pengenalan mata



pelajaran ini pada peringkat menengah rendah.



Mata pelajaran Ekonomi Asas (kod kertas 3757) mengandungi dua kertas dalam peperiksaan SPM. Kertas 1 berbentuk soalan objektif dan pelajar dikehendaki menjawab kesemua 40 soalan. Masa yang diberikan untuk Kertas 1 ialah satu jam lima belas minit. Kertas 2 berbentuk soalan esei. Pelajar dikehendaki menjawab 4 soalan daripada enam soalan yang diberikan. Masa yang diperuntukkan untuk kertas 2 ialah dua jam. Kedua-dua Kertas 1 dan Kertas 2 menguji pemahaman pelajar dalam semua tajuk yang terdapat dalam sukatan pelajaran. Kandungan mata pelajaran Ekonomi Asas disusun dalam lapan tajuk. Tajuk-tajuk dalam Tingkatan IV ialah:

Bab 1 Pengenalan Kepada Ekonomi

Bab 2 Pendapatan dan Penggunaan Pendapatan Individu





Bab 3 Isi Rumah Sebagai Pengguna

Bab 4 Firma Sebagai Pengeluar

Bab 5 Pasaran

Tajuk-tajuk dalam Tingkatan V ialah:

Bab 1 Wang Dan Institusi Kewangan

Bab 2 Ekonomi Negara Malaysia

Bab 3 Hubungan Ekonomi Antarabangsa

Tujuan sukatan pelajaran Ekonomi Asas digubal adalah untuk memberi pelajar pemahaman mengenai prinsip asas ekonomi bagi membantu mereka lebih memahami zaman kini yang lebih mencabar serta berteknologi. Selain itu, mereka juga dapat mempelajari bagaimana membuat keputusan dengan lebih tepat untuk memberikan impak yang positif untuk masa kini dan masa akan datang. Secara tidak langsung, mata pelajaran ini dapat membantu mereka untuk memahami masalah yang berpunca daripada sumber terhad dan dapat membuat pilihan yang rasional tentang penggunaannya. Apabila dilihat daripada aspek kepentingan secara keseluruhannya, pemahaman ekonomi ini juga dapat membantu individu tersebut dalam memainkan peranan sebagai pengguna dan pengeluar yang bertanggungjawab dalam masyarakat serta penglibatan mereka dalam aktiviti pembangunan ekonomi negara dan perdagangan antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Sistem penggredan mata pelajaran SPM telah disemak semula mulai tahun 2009. Semua mata pelajaran, khususnya Ekonomi Asas akan disemak dan dinilai berdasarkan sistem penggredan yang terbaru ini. Sistem penggredan baru bagi





peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diluluskan lebih mudah untuk mengkategorikan pelajar cemerlang bagi kelayakan biasiswa dan mengikuti pengajian di universiti. Melalui penilaian baru itu, pelajar akan diberikan gred berdasarkan kecemerlangan peperiksaan dengan kategori cemerlang diberikan gred A+, A, A-, B+, B, C+, C, D, E dan G. Gred baru itu akan menggantikan gred lama iaitu 1A, 2A, 3B, 4B, 5C, 6C, 7D, 8E dan 9G.

Jadual 1.1: Sistem Penggredan Bagi Lulusan SPM 2009

Dahulu	Sekarang	Nilai Markah Bagi Pengiraan Gred
-	A+	0
1A	A	1
2A	A-	2
3B	B+	3
4B	B	4
5C	C+	5
6C	C	6
7D	D	7
8E	E	8
9G	G	9

(Sektor Pengurusan Penilaian dan Peperiksaan, JPN Perak)

Sejak mencapai kemerdekaan, negara kita telah mengalami satu perubahan yang pesat dalam sistem pendidikan. Dasar-dasar pendidikan sentiasa dikaji untuk mempertingkatkan lagi mutu akademik manakala kurikulum diperkemas lagi bagi memastikan keberkesanan perlaksanaannya dalam menghadapi cabaran baru yang wujud dalam bidang ekonomi, politik mahupun sosial. Jika dilihat sejarah perkembangan sistem pendidikan negara kita, Malaysia mempunyai sejarahnya yang unik dan kompleks. Sistem pendidikan di Malaysia terbentuk hasil daripada pengaruh





sejarah politik, sosial, budaya, ekonomi dan pembentukan bangsa Malaysia itu sendiri (Suffean Hussin, 2004). Sejarah perkembangan pendidikan negara ini boleh dikategorikan kepada tiga tahap iaitu:

- zaman koloni (sejak kemasukan Inggeris sehingga Perang Dunia Kedua)
- zaman pramerdeka (sejak pasca Perang Dunia Kedua hingga 1957)
- zaman selepas merdeka (sejak 1957 sehingga kini)
(KPM, 2001; Shahril Marzuki & Habib Mat Som, 1999)

Semasa zaman penjajahan British banyak sekolah didirikan hasil daripada usaha orang-orang persendirian dan swasta. Oleh itu wujud sekolah-sekolah mubaligh (*missionary schools*), sekolah-sekolah vernakular dan sekolah-sekolah pondok. Sekolah-sekolah mubaligh banyak dipelopori oleh pendakwah-pendakwah Kristian yang datang ke Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Sehingga ke hari ini kesan peninggalan pendakwah-pendakwah Kristian (*missionary*) masih dapat dikenal pasti pada nama-nama sekolah seperti SJK St. Patrick, SJK La Salle, SJK Holy Trinity, Convent Bukit Nenas, Convent St. Ursula dan banyak lagi sekolah yang dahulunya merupakan sekolah-sekolah mubaligh (Arippin Yuddin, 2008).

Pendidikan di zaman pra-merdeka pula banyak dipengaruhi oleh kesan Perang Dunia Kedua hasil daripada kesengsaraan hidup yang dilalui semasa pendudukan Jepun. Penderitaan rakyat semasa Jepun memerintah telah membangkitkan semangat nasionalisme yang tinggi dalam kalangan penduduk Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun sekolah-sekolah yang ditutup semasa pendudukan Jepun telah dibuka semula secara beransur-ansur. Sekolah-sekolah masih lagi terdiri daripada sekolah Inggeris, sekolah vernakular Melayu, Cina dan India. Pada era ini





sekolah-sekolah vernakular semakin berfungsi sebagai menjaga kepentingan kaum dan pengekalan budaya, tradisi dan adat resam masing-masing. Perkembangan yang paling menggalakkan ialah semakin dekat kemerdekaan semakin tinggi kesedaran untuk melihat perpaduan kaum melalui pendidikan dan pihak Inggeris semakin serius memikirkan situasi pendidikan bagi rakyat negara ini (Arippin Yuddin, 2008). Hal ini terbukti dengan usaha membentuk jawatankuasa bagi mengkaji keperluan pendidikan seperti Jawatankuasa Barnes pada tahun 1950 untuk mengkaji sistem sekolah vernakular Melayu manakala Laporan Fenn-Wu pada tahun 1951 digunakan untuk melihat keperluan sistem sekolah vernakular Cina (Suffean Hussin, 2004). Hasil daripada kajian dan laporan tersebut membawa kepada penggubalan '*Education Ordinance 1952*' (KPM, 2001).



Pelbagai usaha telah dijalankan bagi membentuk sistem pendidikan kebangsaan selepas merdeka 1957. Usaha-usaha ini bermula daripada Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960) sehinggalah termaktubnya Dasar Pendidikan Negara (1995) (Suffean Hussin, 2004). Sekolah-sekolah yang dahulunya dikenali sebagai sekolah-sekolah vernakular dikawal selia oleh satu badan yang sama iaitu Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia (Ishak Ramly, 2003). Kesan daripada Dasar Pendidikan Malaysia, ia membawa kepada pengekalan tiga kategori sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) sehingga sekarang. Murid yang mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang dianggap 'elit' seperti Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Bestari, Sekolah Kluster dan Sekolah Berprestasi Tinggi.





Pada umumnya sekolah-sekolah ‘elit’ ini pada setiap tahun menunjukkan keputusan yang lebih baik daripada sekolah-sekolah lain. Keputusan yang baik dalam PMR dan SPM pula meningkatkan peluang pelajar ke universiti dalam bidang yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi misalnya bidang kejuruteraan dan perubatan (Yaakob bin Daud, 2007). Kegagalan pelajar mendapat keputusan yang baik dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) menyebabkan mereka ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian (SMK) manakala pelajar dari aliran SJKC akan dinaikkan ke tingkatan satu di Sekolah Menengah Kebangsaan Cina (SMJK). Pelbagai faktor mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar. Antaranya ialah gaya pengajaran guru, minat pelajar, sikap pelajar, budaya sekolah, kepimpinan pengetua, iklim sekolah, disiplin pelajar, pengaruh kawan dan sebagainya. Dengan ini pengkaji amat berminat dalam mengenalpasti serta mencari faktor sebenar yang mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas di sekolah akademik pada masa kini. Kajian ini membuat perbandingan pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas antara pelajar SMK dan SMJK dengan berfokuskan kepada aspek amalan pengajaran guru serta sikap pelajar terhadap subjek Ekonomi Asas.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sistem pendidikan Malaysia pada umumnya berorientasikan peperiksaan dan keputusan peperiksaan sering digunakan sebagai indikator yang penting kepada penentuan kerjaya, melanjutkan pelajaran, dan sebagai kayu ukur kepada keberkesanan sesebuah sekolah. Apabila keputusan peperiksaan diumumkan hanya sebilangan kecil sekolah sahaja yang dianggap cemerlang berbanding sebahagian



besarnya sederhana atau lemah. Disebabkan sistem pendidikan rendah di negara ini menggunakan satu instrumen yang sama bagi menilai pencapaian akademik murid-murid sebelum memasuki pendidikan menengah maka perbandingan pencapaian bagi SK dengan SJKC selalu dilakukan bagi menggambarkan prestasi akademik murid berdasarkan bangsa (Arippin Yuddin, 2007).

Perbandingan prestasi murid mengikut kategori jenis sekolah selalu menjadi bahan rujukan dan mendapat liputan luas daripada pihak media. Bekas Setiausaha Agung NUTP, Datuk N.Siva Subramaniam mendedahkan terdapat 60,000 pelajar Melayu sedang mendapat pendidikan di SJKC di seluruh negara. Sehubungan itu beliau menggesa Kementerian Pendidikan mengkaji secara menyeluruh tentang pengaliran pelajar-pelajar Melayu dan India ke SJKC dan kemasukan pelajar-pelajar

Cina ke sekolah kebangsaan yang semakin merosot (Siva Subramaniam, 2001).

Keputusan peperiksaan juga dikatakan memberi gambaran tentang pencapaian sekolah yang tidak sama, walaupun kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan prasarana, latihan, dan guru terlatih yang hampir sama. Kesemua faktor ini menimbulkan minat awal pengkaji untuk menjalankan kajian dengan melihat kepada pencapaian Ekonomi Asas antara SMK dan SMJK.

Pengkaji telah membuat satu analisis awalan untuk melihat perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas antara SMK dan SMJK dalam peperiksaan SPM. Statistik keputusan Ekonomi Asas dalam peperiksaan SPM mengikut sekolah bagi lima tahun berturut (2005-2009) telah diperoleh daripada JPN Pulau Pinang. Pengkaji menganalisis keputusan pelajar dengan melihat kepada Gred

Purata Mata Pelajaran (GPMP) Ekonomi Asas. Sebanyak tiga buah sekolah telah

dipilih untuk mewakili SMK dan SMJK di Pulau Pinang. Sekolah-sekolah SMK dan SMJK yang dipilih merupakan sekolah kawalan. Kemasukan pelajar ke sekolah kawalan adalah berdasarkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR. Gred yang diperoleh dalam peperiksaan dinilai dengan gred A1, A2, B3, B4, C5, C6, P7, P8 dan F9. Pencapaian gred A (1 – 2) dianggap sangat baik, gred B (3 – 4) dianggap baik, gred C (5 – 6) adalah sederhana, gred D (7 – 8) lemah dan F9 adalah gagal.

Jadual 1.2: Peratus Lulus dan Pencapaian GPMP Mengikut Sekolah Bagi SPM 2005-2009

SEKOLAH	2005		2006		2007		2008		2009	
	% Lulus (Bil)	GPMP	% Lulus (Bil)	GPMP	% Lulus (Bil)	GPMP	% Lulus (Bil)	GPMP	% Lulus (Bil)	GPMP
SMK Abdullah Munshi	100.0 (31)	4.94	92.59 (27)	6.12	100.0 (23)	5.26	100.0 (31)	5.19	100.0 (25)	4.2
SMK Bukit Jambul	97.30 (37)	4.70	81.58 (38)	5.74	97.44 (78)	5.06	85.29 (34)	5.52	100.0 (25)	5.1
SMK Dato Onn	90.32 (31)	4.84	94.34 (53)	5.21	88.24 (51)	5.41	100.0 (37)	5.51	100.0 (31)	3.2
SMJK Chung Ling (BW)	96.97 (99)	2.56	91.11 (90)	3.34	84.34 (83)	4.08	94.20 (69)	4.59	96.3 (130)	3.5
SMJK Jit Sin	97.52 (202)	2.80	95.08 (122)	4.14	94.50 (200)	3.45	96.59 (176)	3.76	100.0 (170)	2.7
SMJK Perempuan	99.15 (117)	3.80	90.60 (117)	4.59	97.92 (96)	4.39	100.0 (35)	2.82	100.0 (39)	1.9

Sumber: JPN Pulau Pinang

Analisis awalan dalam jadual 1.2 menggambarkan corak pencapaian pelajar SMJK menunjukkan kualiti yang lebih baik daripada pelajar di SMK. GPMP pada tahun 2005 menunjukkan majoriti pelajar di SMJK mendapat gred A (2.56, 2.80, 3.80)

manakala majoriti pelajar di SMK mendapat gred B (4.94, 4.70, 4.84). Pada tahun 2009, analisis GPMP menunjukkan trend keputusan yang sama dengan majoriti pelajar di SMJK memperoleh gred A (1.9, 2.7, 3.5) manakala majoriti pelajar di SMK mendapat gred B (4.2, 5.1, 3.2). Keputusan yang berbeza antara SMJK dan SMK ini menimbulkan minat pengkaji untuk melihat kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian Ekonomi Asas di kedua-dua sekolah tersebut. Untuk menganalisis semua faktor di atas dalam satu kajian adalah terlalu besar dan menjadikan kajian tidak operasional (*unresearchable*). Oleh yang demikian pengkaji hanya meninjau faktor amalan pengajaran guru dalam mata pelajaran Ekonomi Asas, sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas dan hubungan ke atas prestasi pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK di negeri Pulau Pinang.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Dalam proses penyampaian ilmu Ekonomi Asas, ramai pelajar berpendapat bahawa mata pelajaran ini adalah sukar dan tanggapan ini merupakan penghalang kepada pelajar untuk terus maju dalam mata pelajaran ini (Zakaria Kassim, 1993). Kedudukan mata pelajaran Ekonomi Asas sebagai subjek elektif juga telah menyebabkan pelajar mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran sambil lewa (Khoo Yin Yin, 2005). Kaedah '*chalk and talk*' merupakan cara pengajaran utama yang digunakan oleh guru-guru kerana kaedah ini dapat mengatasi masalah bilangan pelajar yang ramai dalam satu kelas dan masalah menghabiskan sukatan pelajaran (Becker & Watts, 2001). Kaedah ini merupakan pengajaran sehalu manakala penglibatan pelajar semasa pembelajaran pula sangat terbatas dan pasif. Situasi sekolah menengah di

Malaysia seperti pelajar datang ke kelas tanpa persediaan dan kurang perbincangan di dalam kelas menyebabkan ramai pelajar cuma menunggu jawapan daripada guru (Khoo Yin Yin & Zakaria Kassim, 2005). Cabaran yang paling penting ialah bagaimana hendak mengatasi ketidakupayaan untuk menyediakan satu suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan kondusif di dalam kelas yang disebabkan oleh pelbagai faktor. Pelajar tidak dapat memilih cara pembelajaran mengikut kehendak yang sesuai dengannya. Pada masa yang sama, pengajar pula tidak melaksanakan pengajaran mengikut kehendak mereka kerana halangan-halangan yang wujud. Akhirnya, ketidaksesuaian atau pertembungan antara cara mengajar dan kehendak pembelajaran yang berbeza akan mengurangkan minat dan motivasi untuk belajar, khususnya bagi mata pelajaran ekonomi (Borg & Shapiro, 1996).

05-4506832

pustaka.upsi.edu.my

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

Jadual 1.3: Pencapaian Mata Pelajaran Ekonomi Asas Peringkat SPM di Negeri Pulau Pinang dari Tahun 2005 - 2009

TAHUN	PERATUS KELULUSAN
2005	65.1
2006	61.7
2007	67.8
2008	68.1
2009	72.1

Sumber : JPN Pulau Pinang, 2009

Daripada jadual 1.3, dapat dijelaskan bahawa pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas peringkat SPM di Negeri Pulau Pinang adalah tidak begitu memberangsangkan. Rekod menunjukkan bahawa peratus pelajar lulus bagi subjek ini adalah antara 60 hingga 75 peratus sepanjang lima tahun terakhir. Berdasarkan permasalahan di atas, kajian ini dilakukan dengan memberi tumpuan kepada

pencapaian ekonomi pelajar-pelajar sekolah menengah dengan berfokuskan kepada amalan pengajaran guru dan sikap pelajar itu sendiri terhadap mata pelajaran Ekonomi Asas.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat kepada prestasi pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas antara SMK dan SMJK. Di samping itu, kajian ini juga ingin melihat sama ada wujud hubungan yang signifikan antara amalan pengajaran guru dan sikap pelajar terhadap pencapaian Ekonomi Asas.

1.4.1 Objektif Khusus

Objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengenal pasti amalan pengajaran guru dalam mata pelajaran Ekonomi Asas mengikut persepsi pelajar di SMK dan SMJK.
- ii. Mengenal pasti sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas di SMK dan SMJK.
- iii. Mengenal pasti prestasi pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas di SMK dan SMJK.
- iv. Mengenal pasti hubungan antara amalan pengajaran guru terhadap pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK
- v. Mengenal pasti hubungan antara sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas dengan pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada objektif-objektif di atas, kajian ini diharap dapat menjawab persoalan berikut:

- i. Sejauh manakah amalan pengajaran guru dalam mata pelajaran Ekonomi Asas di SMK dan SMJK?
- ii. Sejauh manakah sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas di SMK dan SMJK?
- iii. Apakah prestasi pencapaian Ekonomi Asas yang diperoleh oleh pelajar di SMK dan SMJK?
- iv. Adakah amalan pengajaran guru mempengaruhi prestasi pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK?
- v. Adakah sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas mempengaruhi prestasi pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK?


1.6 KERANGKA KAJIAN

Asas kerangka teori kajian ini adalah berdasarkan kepada Model Heck dan Marcoulides (1996). Pada asalnya, model ini digunakan untuk mengkaji produktiviti barangan dan perkhidmatan sesuatu organisasi. Heck dan Marcoulides telah menguji beberapa aspek penting struktur organisasi yang boleh mempengaruhi produktiviti organisasi itu. Mereka menghipotesiskan bahawa budaya organisasi terdiri daripada tiga dimensi yang saling berhubungan iaitu sistem sosio-budaya dalam organisasi, sistem nilai organisasi serta kepercayaan dan sikap bekerja individu dalam organisasi.

Kemudian model organisasi ini digunakan untuk mengkaji persekitaran pendidikan


dan menentukan aspek bagi struktur organisasi yang boleh mempengaruhi prestasi pelajar. Rajah 1.1 menyatakan pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh lima aspek iaitu proses pengajaran dalam bilik darjah, struktur sosio-kurikulum, nilai dan kepercayaan pelajar, iklim sekolah dan sikap pelajar.

Rajah 1.1 : Model Pencapaian Akademik Pelajar Heck dan Marcoulides



Sumber: Model Pencapaian Heck dan Marcoulides (1996)

Berdasarkan model pencapaian akademik pelajar Heck dan Marcoulides, pengkaji membentuk kerangka kajian dengan melihat kepada dua aspek iaitu proses pengajaran dalam bilik darjah yang merangkumi amalan pengajaran guru dan sikap pelajar dalam menentukan pencapaian akademik.

Rajah 1.2: Kerangka Konsep Kajian

Berdasarkan kerangka konsep kajian, pembolehubah-pembolehubah bebas dan bersandar yang dipilih untuk membina model ini adalah diambil kira dari segi kelogikan dan kesesuaian di samping memikirkan hubungan di antara mereka. Amalan pengajaran guru dikaji berdasarkan empat dimensi iaitu amalan guru dalam memastikan persediaan pelajar sebelum masuk kelas, amalan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran, amalan guru dalam menangani situasi murid-murid tidak dapat menjawab soalan dan amalan guru dalam menangani situasi murid-murid yang tidak dapat mengikuti pengajaran. Sikap pelajar terhadap mata pelajaran ekonomi asas dilihat dari empat sudut iaitu aspek keseronokan, minat, kepraktikalan dan kebimbangan.

1.7 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis 1

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi-dimensi amalan pengajaran guru Ekonomi Asas di SMK dan SMJK

Hipotesis 2

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi amalan pengajaran guru Ekonomi Asas di SMK dan SMJK.

Hipotesis 3

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi-dimensi amalan pengajaran guru dengan prestasi pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK.

Hipotesis 4

Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi amalan pengajaran guru dengan prestasi pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK.

Hipotesis 5

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi-dimensi sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas di SMK dan SMJK.

Hipotesis 6

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas di SMK dan SMJK.

Hipotesis 7

Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi dimensi-dimensi sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas dengan prestasi pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK.

Hipotesis 8

Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas dengan prestasi pencapaian Ekonomi Asas di SMK dan SMJK.

1.8 SIGNIFIKAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian prestasi ekonomi asas antara SMK dan SMJK. Kajian akan difokuskan kepada amalan guru dalam pengajaran dan sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas. Hasil daripada penemuan ini akan dijadikan satu panduan dan pilihan kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang rendah peratus bagi meningkatkan prestasi mata pelajaran ekonomi asas. Di samping itu, kajian ini boleh membantu pihak pengurusan pendidikan untuk membentuk dan merangka latihan dan pembangunan staf yang lebih praktikal, khususnya guru-guru yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Seterusnya, hasil kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh pemimpin sekolah bagi meninjau, mengkaji serta menilai kelemahan dan kekuatan guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah masing-masing. Dapatan kajian juga diharapkan dapat digunakan oleh pihak universiti bagi membentuk sikap serta komitmen guru yang lebih efektif dan dapat meningkatkan pencapaian mata pelajaran ekonomi asas di peringkat nasional.

1.9 SKOP KAJIAN

Persampelan kajian hanya melibatkan responden dari sekolah-sekolah menengah aliran SMK dan SMJK di negeri Pulau Pinang sahaja. Justeru itu, dapatan kajian tentang ciri-ciri sekolah terhad dalam lingkungan sekolah menengah di negeri Pulau Pinang sahaja. Sebanyak tiga buah sekolah SMJK dan empat buah SMK telah dipilih sebagai sampel kajian. Kesemua sekolah yang terlibat dalam kajian ini merupakan kategori sekolah kawalan sepenuhnya yang mana pengambilan pelajar adalah berdasarkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR. Pelajar cemerlang yang mendapat 5A dari SK serta 7A dari SJKC dan SJKT akan di beri keutamaan untuk belajar di sekolah ini. Dalam kajian ini penyelidik hanya mengkaji tentang amalan pengajaran guru dan sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas dalam kalangan pelajar di SMK dan SMJK berdasarkan kepada persamaan dari segi peraturan, kemudahan serta wawasan pendidikan. Sekolah menengah harian biasa tidak diambil sebagai kajian untuk mengelakkan sebarang bias daripada pelajar yang mengambil bahagian. Kajian ini juga terhad kepada masa dan tempoh penyelidikan tersebut selama setahun di kesemua tujuh buah sekolah di Pulau Pinang. Memandangkan pengkaji menggunakan instrumen yang ditentu ukur, disusun dan dianalisis maka kajian rintis tidak dilakukan bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Instrumen amalan pengajaran guru telah dibangunkan dan digunakan oleh Wan Mohd Rani Abdullah (1989) dalam kajiannya serta instrumen sikap pelajar terhadap Ekonomi Asas telah dibentuk dan diguna pakai secara besar-besaran di Amerika Syarikat oleh Soper dan Walstad (1983) ke atas pelajar sekolah menengah dan universiti.

1.10 DEFINISI OPERASIONAL

1.10.1 Kajian Perbandingan

Kajian perbandingan adalah kajian yang melihat persamaan dan perbezaan aspek yang dikaji antara dua atau lebih kumpulan (Bereday, 1964). Dalam kajian ini aspek yang dibandingkan ialah amalan guru dalam pengajaran Ekonomi Asas dan sikap pelajar dalam pembelajaran Ekonomi Asas serta pencapaian Ekonomi Asas antara SMK dan SMJK di negeri Pulau Pinang.

1.10.2 Amalan Pengajaran Guru

Dalam kajian ini amalan guru yang diukur adalah terhad kepada penyampaian pengajaran ketika guru berinteraksi dengan pelajar. Keadaan berinteraksi menyebabkan penggunaan istilah ‘sikap pengajaran interaktif guru’ dalam kajian ini.

Sikap pengajaran interaktif guru dilihat kepada empat dimensi iaitu amalan guru dalam memastikan persediaan murid-murid sebelum masuk kelas, amalan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran, amalan guru dalam menangani situasi murid-murid tidak dapat menjawab soalan serta amalan guru dalam menangani situasi murid-murid yang tidak dapat mengikuti pengajaran.

1.10.3 Sikap Pelajar

Sikap adalah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu di dalam memberi nilai terhadap simbol objek atau apa yang disukai atau tidak. Dalam kajian ini, sikap pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas adalah berdasarkan kepada empat dimensi iaitu keseronokkan, minat, kepraktikalan dan kebimbangan pelajar tingkatan lima dalam pembelajaran Ekonomi Asas.

1.10.4 Pencapaian

Pencapaian pula bermaksud skor atau gred yang diperolehi dalam peperiksaan yang dinilai dengan gred A1, A2, C3, C4, C5, C6, P7, P8 dan F9. Pencapaian gred A1, A2 dianggap sangat baik, gred C3, C4 dianggap baik, C5, C6 adalah sederhana, P7, P8 pula lemah dan F9 gagal. Dalam kajian ini pencapaian gred dilihat dalam ujian Ekonomi Asas oleh pelajar tingkatan lima di SMK dan SMJK.

1.10.5 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)

Merupakan sekolah menengah yang sepenuhnya di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia. Ketua eksekutifnya ialah pengetua dan semua aktiviti, sukatan pelajaran dan peruntukan sumber kewangan, sumber manusia adalah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekolah kebangsaan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Sekolah ini ditubuhkan sebagai sekolah aliran perdana bagi memupuk perpaduan rakyat Malaysia.

1.10.6 Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina [SMJK]

Merupakan sekolah menengah yang sepenuhnya di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia. Ketua eksekutifnya ialah pengetua dan semua aktiviti, sukatan pelajaran dan peruntukan sumber kewangan, sumber manusia adalah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekolah jenis kebangsaan mengikuti sukatan pelajaran kebangsaan yang sama dengan sistem sekolah kebangsaan. Bahasa pengantar utama adalah Bahasa Mandarin. Pendidikan Cina adalah pendidikan yang dipertahankan oleh Dong Jia Zong dan Hua Tuan kerana ia melambangkan perpaduan masyarakat Cina.

1.11 RUMUSAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan situasi dan fenomena yang terdapat pada hari ini yang mencetuskan pelbagai persoalan dan persepsi di media massa serta dalam kalangan masyarakat terhadap prestasi pencapaian pelajar di SMK dan SMJK. Pengkaji ingin melihat perbandingan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas serta hubungannya dengan amalan pengajaran guru mengikut persepsi pelajar dan sikap sendiri pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi Asas di SMK dan SMJK.